



NOTIS SEKATAN EKSPORT BAGI BEBERAPA SPESIS IKAN TERPILIH DARI 1 MEI 2017 SEHINGGA 31 JULAI 2017

1. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan melaksanakan arahan sekatan bagi pengeksporan beberapa spesis ikan terpilih ke luar Negara.
2. Kaedah 5(3), Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, "Lembaga boleh menentukan kualiti, kuantiti dan jenis ikan yang hendak dieksport atau diimport".
3. Jika didapati mana-mana pengeksport ikan yang mengeksport ikan yang tidak dibenarkan dalam tempoh tersebut, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 17(1) dan 17(2), Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 iaitu:-
Seksyen 17(1) – Dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit (RM15,000) atau kedua-duanya.
Seksyen 17(2) – Didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit (RM25,000)
4. Spesis ikan terpilih yang dilarang bagi pengeksporan adalah seperti berikut:-
 - i. **Ikan Kembung**
 - ii. **Ikan Pari**
 - iii. **Ikan Selar**
 - iv. **Ikan Cencaru**
 - v. **Ikan Selayang/
Sardin**
 - vi. **Ikan Aya/ Tongkol**
 - vii. **Ikan Pelaling**
5. Spesis ikan di atas adalah tidak dibenarkan di eksport dalam tempoh sekatan.
6. Mulai 1 Jun 2017, pengeksporan ikan dalam bentuk sejuk beku (*frozen*) adalah tidak dibenarkan.

Dengan Perintah,

.....
KETUA PENGARAH

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA